

RAHSIA AL-QURAN-DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

TANGGUNGJAWAB YANG DIPERCUAIKAN

Tak dapat disangkal bahawa kebanyakan orang-orang Islam kita pada hari ini telah mencuaikan suatu tanggungjawab yang sangat-sangat besar kedudukannya kepada keislaman seseorang Muslim, dan sangat-sangat besar kesannya kepada masyarakat Islam amnya, serta berkait terus menerus dengan keelokan dan keburukan akhlak, dan jatuh naiknya suatu umat yang menjunjung nama “Islam”.

TANGGUNGJAWAB YANG BESARINI IALAH SEMBAHYANG!

(oleh Abdullah Basmeh)

Sembahyang ialah tiang agama. Sembahyang yang telah difardhukan oleh Allāh azza wa jalla, bukan sahaja menjadi umbi ibadat yang mengenai seseorang hamba dengan Tuhannya, tetapi ada perkaitannya yang tidak boleh dikecilmkan dengan masyarakat masyarakat yang telah merebak di dalamnya penyakit “mencuaikan sembahyang” adalah suatu masyarakat yang pada amnya-telah runtuh akhlaknya!

Seseorang yang telah menuaikan fardhu sembahyang dengan sempurnanya. Adalah sentiasa terpuji akhlaknya. Diredhai Allah, dihormati ramai, dan menjadi contoh yang baik kepada kaumnya. Tidakkah Tuhan azza wa jalla berfirman:

“*inna al-ṣalata tanhā ’ani al-faḥshā’i wa al-munkar*”

Ertinya: “sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada tngkah lau yang jahat dan perbuatan yang keji”.

Seseorang yang tidak dapat dikawal oleh sembahyangnya daripada tingkah laku yang buruk dan perbuatan yang keji adalah sembahyang itu masih diawang-awang, masih belum berakar tunjang di atas di dasar yang telah ditentukan. Ia adalah

termasuk dalam golongan yang telah diterangkan oleh Allah sifat-sifat mereka:

“*fawaiļun li al-muṣallīn. Alladhīna hum ‘an ṣalātihim sāhūn. Alladhīna hum yurā’ūn. Wayamna ‘ūna al-mā’ūn.*”

Ertinya: “maka azablah bagi orang-orang yang sembahyang. Iaitu mereka yang lalai daripada sembahyangnya. Lagi mereka riak, dan enggan membayar zakat”.

Dengan tujuan supaya umat Islam dapat membina masyarakat hidupnya sehingga menjadi masyarakat yang berbahagia maka Tuhan azza wa jalla telah memberi suatu perintah yang tegas:

Hāfiẓū ‘alā al-ṣalawāt wa al-ṣalāt al-usṭā waqawmū Allāh qānitīn.

Ertinya: “peliharkanlah segala sembahyang dan sembahyang yang utama, serta berdirilah kamu kerana Allāh dengan khusyuk”.

Lalu ditundanya dengan suatu perintah lagi yang menunjukkan bahawa sembahyang itu tidak ada azar atau alasan mencuaikannya-kecuali terlupa atau tertidur-dan mestи ditunaikan hatta dalam masa darurat sekalipun:

fa’iñ khiftum farijālān aw rukbānā, faidhā amantum fādhkūrū Allāh

kamā 'alamkum mālam takūnū ta 'lamūn...

Ertinya: "maka jika kamu takut (kerana musuh sedang mengancam) maka (kerjakanlah sembahyang itu) dengan berjalan kaki atau berkendaraan, maka apabila kamu beroleh aman, maka sebutlah kamu akan Allah sebagaimana yang telah diajarinya kamu akan barang yang tidak kamu mengetahuinya.

Yakni setelah hilang darurat itu maka sembahyang kamu menurut cara biasa, yang tertib peraturannya telah diajarkan oleh Allah kepada kamu.,

Memelihara sembahyang, yakni berkekalan mengerjakannya dengan sempurna, adalah menjadi syiar atau cogan iman yang besar syariat Islam telah menjadikan "sembahyang dan zakat" suatu syarat yang terutama bagi khasnya keislaman seseorang sebagaimana yang terbentang di dalam surah al-Tawbah-ayat 11 tatkala Tuhan menjelaskan hukum orang-orang musyrik:

"*Fain tābū wa aqāmū al-ṣalāta wa atawuzzākata faikhwānukum fi al-dīn*".

Ertinya: "maka jika mereka (kaum musyrikin) bertaubat (memeluk Islam) dan mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat, maka mereka itu menjadi saudara kamu di dalam agama."

Hadis-hadis Nabi pula yang diriwayatkan oleh Ahmad, Bukhari dan Muslim daripada Ibn 'Umar bahawa Rasulullah ᷣallā Allāh 'alaihi wa sallam bersabda:

"*Umirtu an uqātila al-nās hattā yashhadū an lā ilaha illā Allāh wa anna muhammadā rasūl Allāh, wayuqīmū al-ṣalāt wayu'ītū al-zakāt, fāidhā fa'alū dhālikā 'aṣamū minnī dimā 'ahum wa amwālahum illā biḥaqqi al-Islām wa ḥisabuhum 'ala Allāh 'azza wa jalla'*".

Ertinya: aku diperintahkan memerangi manusia sehingga mereka mengakui bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan bahwasanya Muhammad pesuruh Allah, dan mereka mendirikan sembahyang serta membayar zakat, maka apabila mereka berbuat yang demikian itu, terpeliharalah daripadaku darah dan harta mereka, kecuali dengan hak Islam, dan kiraan

amal mereka terpulang kepada Allāh.

"Manusia" yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah kaum musyrikin penyembah berhala, bukannya kaum kafir kitabi yang boleh diterima jizyahnya. Atau orang-orang Majusi yang mempunyai hukum serupa itu. Sebabnya kaum musyrikin itu diperangi; kerana mereka yang telah menentang dan menghalangi siaran Islam dengan perlawanan yang tidak pernah dilakukan oleh pihak lain sepertinya. Pada hal Islam tidak akan dapat berakar tunjang di semenanjung Arab kalau kaum Musyrikin itu tidak memeluknya.

Aḥmad, Muslim, Abū Dāwud, al-Tirmidhī dan Ibnu Mājah meriwayatkan daripada Jābir bahawa Rasulullah (SAW) bersabda:

"*Baina al-rijal wabaina al-kufra taraka al-ṣalāt*"

Ertinya: "Di antara seseorang itu dengan perbuatan kufur ialah meninggalkan sembahyang."

Suatu hadis lagi diriwayatkan oleh Aḥmad,

Aṣhabu al-sinan al-arba'ah, Ibnu Ḥibbān dan al-Hākim daripada Baridah katanya : Saya mendengar Rasulullah (SAW) bersabda:

"*Al-'ahd al-ladhī bainanā wabainakum al-ṣalāt, faman tarkahā fāqad kuffār*".

ṣahīḥah al-Nisā'ī wa al-'Irāqī.

Ertinya: "Perjanjian yang di antara kami dengan kamu ialah sembahyang, maka barang siapa meninggalkannya, sesungguhnya ia telah menjadi kafir.

Hadis ini telah ditakwilkan oleh ulama dengan mengatakan maksudnya barang siapa engkarkan wajib sembahyang akan menjadi kafir, tetapi yang meninggalkannya kerana malas, hanya terhitung berdosa besar!

Kesimpulannya walau bagaimanapun ditakwil, orang itu akan menerima seksa yang amat pedih! Na'ūdu bi Allāh min dhalik.

Aḥmad dan al-Tabrānī pula meriwayatkan daripada 'Abdullāh bin 'Amrū Ibnu al-'Aṣ bahawa Rasulullah (SAW) pada suatu hari telah menyebut perihal sembahyang lalu bersabda:

"*Man ḥāfaẓa 'alaihā kānat lahu nūrā waburhānā wanajāt yawmu al-qiyāmat, waman lam yuḥāfiẓ 'alaihā lam takun lahu nūrā walā burhānā*

walā najjāt, wakāna yawmu al-qiyāmat ma' a qārūn wa fir'awn wa hāmān wa abī ibn khilaf

Ertinya: “barang siapa berkekalan mengerjakan akan menjadilah ia (sembahyang itu) cahaya, tanda bukti dan keselamatan baginya pada hari kiamat, dan barang siapa mencuaikannya tidaklah ia akan menjadi cahaya, tanda bukti dan keselamatan baginya. Bahkan orang itu pada hari kiamat kelak adalah bersama-sama dengan Qārūn, Fira‘ūn, Hāmān dan Abī ibn Khilaf-penganjur kaum Munafik”

Di dalam athar adalah diketahui bahawa sahabat-sahabat Nabi sekata tentang hukuman itu. Al-Tirmidhī dan al-Hakim meriwayatkan-suatu riwayat yang sahih menurut syarat Bukhārī dan Muslim daripada ‘Abdullāh bin Shaqiq al-‘Aqīlī katanya: “adalah sahabat-sahabat Rasulullah (SAW) tidak memandang sesuatu amalan yang apabila ditinggalkan akan menjadi kafir, selain daripada sembahyang.” Yakni hanya sembahyanglah di antara amal-amal yang telah diperintahkan, akan terhitung kafir orang yang meninggalkannya!

Setelah menurunkan ayat-ayat suci, hadis-hadis Nabi dan athar-athar sahabat-sahabat yang tersebut, maka penyusun tafsir “*al-Manār*” al-‘Alāmah Nāṣir al-Sunnah al-Sayyid Muhammad Rashid Rīḍā berkata:

“Lihatlah tuan, ayat-ayat yang suci mulia ini, dan hadis-hadis yang tegas maksudnya itu, telah ditakwilkan orang pada zaman yang lalu, dan telah dibelakangkan oleh kebanyakan orang-orang Islam pada zaman ini, sehingga banyaklah bilangan orang-orang yang telah mencuaikan sembahyang, yang lalai dan ingkar, dan sedikit sangat pula yang mengerjakannya dengan sempurna.

“Sebabnya, ialah “Islam” menurut yang difahamkan orang-orang Islam yang mencuaikan sembahyang itu, yang menamakan diri mereka terpelajar, telah bertukar keadaannya daripada menjadi akibat agama kepada menjadi kebangsaan siyasah. Tanda-tanda berpegang teguh kepada mereka dan membela mereka-menurut faham mereka -ialah dengan memuji raja-raja dan pembesar-pembesar Islam walau

pun raja-raja dan pembesar-pembesar itu tidak menjalankan hukum-hukum Islam dan menuarkannya dengan undang-undang buatan manusia, bahkan sekalipun mereka tidak mengetahui hakikat akidahnya, tidak mendirikan sembahyang, tidak memberi zakat dan tidak mengendahkan hukum-hukum yang telah diturunkan Allah...

“Benar, Islam itu ada mempunyai kerajaan, meskipun ia pada zatnya menjadi agama bukan kebangsaan dan memelihara akidah dan adan sopannya, mendirikan fardhu sunatnya, dan menjalankan hukum-hukumnya kepada pemeluk-pemeluknya. Mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat pula adalah menjadi sebesar-besarnya syiar Islam. “Sembahyang” ialah rukun yang kuat handal untuk membaikki jiwa, dan “zakat” pula ialah rukun yang kuat handal untuk membaikki masyarakat sekiranya kedua-dua rukun yang utama ini dipercuaikan, dikebelakangkan, atau dibayarkan runtuh maka runtuhlah Islam!!

“Tahukah pembaca-pembaca yang dihormati apakah kesannya penyakit “meninggalkan sembahyang” di bandar-bandar dan di kampung-kampung?

“Di bandar kita boleh melihat perbuatan-perbuatan mungkar dikerjakan dengan tidak berselindung. Kedai-kedai arak, rumah-rumah pelacurnya, panggung-panggung joget, dan rumah-rumah judi, semuanya ini penuh tepu dengan orang-orang kita, baik golongan atas atau golongan awam, hatta pada malam-malam bulan Ramadhan yang suci mulia, yang sepatutnya dipenuhi dengan ibadat dan membaca Quran!....

Di kampung-kampung pula, merebaknya ilmu-ilmu sesat, bidaah-bidaah, khurafat-khurafat, bahkan perbuatan-perbuatan syarak juga!

Penyakit-penyakit masyarakat yang tersebut tidak ada ubat penawarnya selain daripada sembahyang. Orang-orang yang mendirikan sembahyang dengan sebenar-benarnya, tidak akan tergamak melakukan perbuatan-perbuatan yang bernoda itu, dan tidak akan redha membiarkan kehormatan agama, bangsa dan tanah airnya dinodai oleh orang lain!!